




# GARIS PANDUAN PENYEDIAAN PETI PERTOLONGAN CEMAS

MANUAL PENGURUSAN KESELAMATAN DAN KESIHATAN  
PEKERJAAN



 <b>UNIVERSITI MALAYSIA PERLIS</b>	<b>DOKUMEN</b>	<b>KOD</b>	<b>TARIKH</b>	<b>SEMAKAN</b>
	Manual Pengurusan KKP	OSHMS-2	07.04.2021	1
	<b>GARIS PANDUAN</b>		<b>HALAMAN</b>	<b>DARIPADA</b>
	Garis Panduan Penyediaan Peti Pertolongan Cemas		1	5

## 1. PENGENALAN

Garis panduan ini disediakan bertujuan untuk memberi panduan kepada pengurusan Universiti diperingkat induk atau Pusat Tanggungjawab (PTj) bagi penyediaan Peti Pertolongan Cemas di Universiti Malaysia Perlis.

## 2. SKOP

Garis panduan ini memberi penekanan terhadap peranan dan tanggungjawab:


- 2.1. Universiti
- 2.2. Pusat Bertanggungjawab
- 2.3. Staf
- 2.4. Pelajar
- 2.5. Kontraktor
- 2.6. Pelawat

## 3. KEPERLUAN UNDANG-UNDANG

- 3.1. Seksyen 15, Akta Keselamatan Dan Kesihatan Pekerjaan 1994
- 3.2. Seksyen 25, Akta Kilang dan Jentera 1967
- 3.3. Peraturan 38, Peraturan-peraturan (Keselamatan, Kesihatan dan Kebajikan) Kilang dan Jentera.
- 3.4. *Guidelines on first-aid facilities in the workplace, DOSH, Reprinted 2004.*

## 4. DEFINISI

- 4.1. Pertolongan cemas (PPC)  
Pertolongan cemas di tempat kerja merangkumi penyediaan kemudahan, perkhidmatan pertolongan cemas dan kakitangan yang diperlukan untuk rawatan awal orang yang mengalami kecederaan atau sakit di tempat kerja. Ini adalah rawatan atau rawatan segera yang diberikan kepada mangsa kemalangan atau penyakit tiba-tiba sebelum pegawai kesihatan yang berkelayakan hadir untuk memberi rawatan.
- 4.2. Perkhidmatan Kesihatan Pekerjaan  
perkhidmatan khusus untuk tujuan memulihara, mempromosikan dan memulihkan kesihatan pekerja di tempat kerja.
- 4.3. PTj Pusat Tanggungjawab.
- 4.4. JKPP Jabatan Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan.
- 4.5. PIC Orang yang Bertanggungjawab.
- 4.6. PKU Pusat Kesihatan Universiti

 <b>UNIVERSITI MALAYSIA PERLIS</b>	<b>DOKUMEN</b>	<b>KOD</b>	<b>TARIKH</b>	<b>SEMAKAN</b>
	Manual Pengurusan KKP	OSHMS-2	07.04.2021	1
	<b>GARIS PANDUAN</b>		<b>HALAMAN</b>	<b>DARIPADA</b>
	Garis Panduan Penyediaan Peti Pertolongan Cemas		2	5

## 5. KEPENTINGAN

- 5.1. Pertolongan cemas bertujuan untuk:
- Memelihara nyawa;
  - Mencegah penyakit atau kecederaan menjadi lebih teruk;
  - Mengurangkan kesakitan;
  - Menggalakkan pemulihan; dan
  - Penjagaan mangsa yang tidak sedarkan diri.
- 5.2. Peti pertolongan cemas digunakan untuk menyimpan peralatan atau ubat-ubatan bagi melakukan pertolongan cemas bagi menyelamatkan nyawa, menghalang kecederaan menjadi lebih teruk dan juga menggalakkan penyembuhan.

## 6. PENYEDIAAN PPC


- 6.1. PPC hendaklah disediakan kawasan kerja di PTj masing-masing.
- 6.2. Bilangan PPC hendaklah mencukupi dengan kawasan kerja dan bilangan staf/ penghuni. (Lampiran 1)

## 7. PENYELENGGARAAN PPC

- 7.1. PIC hendaklah memastikan PPC diselenggara dan sentiasa dalam keadaan baik.
- 7.2. PPC hendaklah sentiasa diperiksa bagi memastikan kandungannya mencukupi. Mana-mana bahan yang berkurangan hendaklah ditambah dan bahan-bahan yang 'luput tarikh' atau rosak hendaklah diganti semula.
- 7.3. Sebarang penambahan atau pertukaran kandungan hendaklah direkod di dalam Daftar PPC.
- 7.4. Rekod penyelenggaraan hendaklah dikemaskini secara berkala dari masa ke masa dan disimpan dengan baik.

## 8. PENGGUNAAN PPC

- 8.1. Penggunaan peralatan atau ubatan yang digunakan dari PPC hendaklah direkod di dalam Buku Log Penggunaan/ Inventori PPC yang disediakan oleh PIC.
- 8.2. Rekod inventori PPC haruslah disimpan dengan baik.

	<b>DOKUMEN</b>	<b>KOD</b>	<b>TARIKH</b>	<b>SEMAKAN</b>
	Manual Pengurusan KKP	OSHMS-2	07.04.2021	1
	<b>GARIS PANDUAN</b>		<b>HALAMAN</b>	<b>DARIPADA</b>
	Garis Panduan Penyediaan Peti Pertolongan Cemas		3	5

## 9. KANDUNGAN

- 9.1. Kandungan yang disyorkan oleh JKPP. (Lampiran 2)
- 9.2. Bahan-bahan yang tidak berkaitan dengan pertolongan cemas hendaklah tidak disimpan di dalam PPC.
- 9.3. Bahan-bahan berikut dilarang disimpan dalam PPC :
  - 9.3.1. Ubatan-ubatan termasuk yang dikategorikan sebagai OTC (*Over the counter*) drugs;
  - 9.3.2. Ubat-ubatan untuk dimakan atau diminum.

## 10. KOMPOSISI

- 10.1. PPC hendaklah dibuat daripada bahan kukuh dan mudah alih bagi membolehkannya di bawa ke tempat kemalangan.
- 10.2. PPC hendaklah dilabelkan dengan bulan sabit (crescent) yang berwarna hijau dan berlatar belakang warna putih.
- 10.3. PPC hendaklah dilabel dengan maklumat PIC untuk dihubungi.

## 11. LOKASI

- 11.1. Setiap PPC hendaklah ditempatkan di lokasi yang ditanda dengan terang, mempunyai pencahayaan yang cukup dan mudah dicapai.
- 11.2. PPC hendaklah dikunci, dan anak kuncinya disimpan oleh PIC serta boleh diperolehi sepanjang masa apabila diperlukan.
- 11.3. Staf dan pelajar hendaklah dimaklumkan tentang lokasi PPC ditempatkan.


## 12. LATIHAN

- 12.1. PIC hendaklah mengikuti latihan pertolongan cemas asas untuk memberikan rawatan awal kepada staf/ pelajar.
- 12.2. PIC hendaklah menjalani latihan semula sekali selepas 3 tahun dari latihan sebelumnya.
- 12.3. Majikan hendaklah menyimpan dan mengemaskini rekod latihan pertama kali PIC menjalani latihan dan latihan semula.

<i>DOKUMEN</i>	<i>KOD</i>	<i>TARIKH</i>	<i>SEMAKAN</i>
Manual Pengurusan KKP	OSHMS-2	07.04.2021	1
<i>GARIS PANDUAN</i>		<i>HALAMAN</i>	<i>DARIPADA</i>
Garis Panduan Penyediaan Peti Pertolongan Cemas		4	5

## LAMPIRAN 1

<b>SENARAI SEMAK PENYELENGGARAAN PETI PERTOLONGAN CEMAS</b>				
<b>BIL.</b>	<b>INDICATOR</b>	<b>YA</b>	<b>TIDAK</b>	<b>CATATAN</b>
<b>A.</b>	<b>Lokasi</b>			
1.	Adakah kotak pertolongan cemas terletak di kedudukan yang menonjol dan mudah diakses?			
2.	Adakah pekerja dimaklumkan dan mengetahui lokasi kotak pertolongan cemas?			
3.	Adakah semua pekerja mempunyai akses ke peti pertolongan cemas semasa semua pertukaran kerja?			
<b>B.</b>	<b>Identifikasi/ Pengenalpastian</b>			
1.	Bolehkah kotak pertolongan cemas dikenali dengan jelas sebagai kotak pertolongan cemas?			
<b>C.</b>	<b>Kandungan</b>			
1.	Adakah kandungannya sesuai untuk kemungkinan kecederaan dan penyakit di tempat kerja anda?			
2.	Adakah kotak pertolongan cemas mengandungi jumlah barang yang mencukupi?			
3.	Adakah pekerja yang terlatih dalam pertolongan cemas bertanggungjawab menjaga peti pertolongan cemas?			
4.	Adakah kandungan dilabel dengan betul?			
5.	Adakah kandungan dalam tempoh tarikh boleh digunakan?			
6.	Adakah kandungan disimpan dengan secukupnya?			
<b>D.</b>	<b>Maklumat Yang Berkaitan</b>			
1.	Adakah senarai kandungan disediakan dalam kotak pertolongan cemas?			
2.	Adakah nombor telefon kecemasan ditunjukkan dengan jelas?			
3.	Adakah nama, lokasi dan nombor sambungan pembantu pertamanya terdekat ditunjukkan dengan jelas?			
4.	Adakah CSDS sudah tersedia (jika bahan kimia berbahaya untuk kesihatan digunakan di tempat kerja)			
<b>E.</b>	<b>Latihan</b>			
1.	Adakah pekerja terpilih telah mendapat latihan dalam penggunaan dan penyelenggaraan kotak pertolongan cemas?			
<b>F.</b>	<b>Pegawai Yang Bertanggungjawab</b>			
1.	Adakah seseorang yang dilantik untuk mengendalikan urusan pertolongan cemas (penyelia).			

 <b>UNIVERSITI MALAYSIA PERLIS</b>	<b>DOKUMEN</b>	<b>KOD</b>	<b>TARIKH</b>	<b>SEMAKAN</b>
	Manual Pengurusan KKP	OSHMS-2	07.04.2021	1
	<b>GARIS PANDUAN</b>		<b>HALAMAN</b>	<b>DARIPADA</b>
	Garis Panduan Penyediaan Peti Pertolongan Cemas		5	5

LAMPIRAN 2

**SENARAI ITEM PETI PERTOLONGAN CEMAS YANG DISYORKAN OLEH JKPP**

Senarai Item Peti Pertolongan Cemas		A	B	C
		Untuk tempat kerja dengan bilangan orang bekerja pada satu masa 10 ke bawah	Untuk tempat kerja dengan bilangan orang bekerja pada satu masa 11-50	Untuk tempat kerja dengan bilangan orang bekerja pada satu masa 50 ke atas
1	Dressing kecil (satu persatu) berubat atau tidak, yang telah disteril hanya untuk jari-jari	6	12	24
2	Dressing sederhana (satu persatu) berubat atau tidak yang telah disteril hanya untuk tangan dan kaki	3	6	12
3	Dressing besar (satu persatu) berubat atau tidak yang telah disteril hanya untuk lain-lain bahagian bahan	3	6	12
4	Dressing luka jenis pelekat kecil/besar	5	10	15
5	Balutan segitiga	5	10	15
6	(i) Balutan gulung --- 1" inci	6	9	12
	(ii) Balutan gulung --- 2 " inci	6	9	12
7	Plaster pelekat		"Dengan cukup"	
8	Kapas serapan yang telah dicuci hanya kotak 1/2 oz atau Kapas di dalam bekas pembekal khas	6	6	6
9	Splint yang sesuai dan kapas atau lain-lain bahan mengalás		"Dengan cukup"	
10	Ubat mata yang diluluskan		"Dengan cukup"	
11	Pad mata (satu persatu) yang telah dicuci hanya di dalam kotak-kotak berasingan	2	4	8
12	Balut getah atau tekanan	1	1	1
13	Campuran iodin alkohol 2 peratus atau campuran air " gentian violet " satu peratus dalam botol tertutup 2 oz	1	1	1
14	Sebotol " sal volatile " dengan arahan kegunaannya dicatitkan dilabelnya	1	1	1
15	Gunting bedahan (hujung tumpul)	1	1	1
16	Pin "safety"	12	24	36
17	Crepe bendages			
	(i) 5 cm	6	6	6
	(ii) 7.5 cm	6	6	6
18	Surgical tapes: 3M (Hypoallergenic) – 5 cm	2	2	2
19	Gloves – disposable free size	6	12	24
20	CPR Mask		"Dengan cukup"	
21	Inventori kandungan peti pertolongan cemas	1	1	1